

PP 10548/8/2007

# Prihatin

Berita SPANCO Jilid 2 2007

Perayaan Jubli Emas Merdeka  
**SAMBUT DENGAN PENUH  
KEBANGGAAN DAN KESYUKURAN**

Tahun Melawat Malaysia 2007  
**10 TEMPAT MENARIK  
UNTUK DIKUNJUNGI**

ISSN 1675-1361



9 771675 136103



# Servis Bermutu Prestasi Terunggul

Pusat Servis Wilayah di Batu Caves menepati piawaian mutu tertinggi yang ditetapkan oleh SPANCO. Ia memiliki peralatan baik pulih automotif terkini yang dikendalikan oleh pakar yang berpengalaman, antaranya:



## ■ PENGANALISIS ENJIN BERKOMPUTER

Untuk menganalisis prestasi sistem pembakaran dan bahan api kenderaan.



## ■ PENGUJI DIAGNOSTIK BERKOMPUTER MUDAH ALIH

Mengesan, merekod dan membetulkan kerosakan pada sistem elektronik serta menguji komponen penggerak kereta.



## ■ ALAT PAM MINYAK ENJIN PNEUMATIK & PENGUMPUL SISA

Menyedut keluar minyak enjin yang sudah digunakan terus ke dalam bekas pengumpul sisa minyak.



## ■ DISPENSER MINYAK ENJIN

Memastikan kebersihan persekitaran melalui penuangan minyak enjin tanpa tumpahan.



## ■ ALAT PENJAJARAN RODA BERKOMPUTER

Untuk pelarasan tepat sistem geometri stereng.



## ■ PENGUJI BREK BERKOMPUTER

Menguji brek tanpa perlu memandu di atas jalan (*on the road test*).



## ■ PENGECAS GAS PENDINGIN UDARA AUTOMATIK

Untuk vakum pantas dan cas semula gas pendingin udara.



## ■ PAM AIR BERTEKANAN TINGGI

Untuk pencucian bahagian enjin dan badan kenderaan yang lebih bersih dan cepat.

## ■ RUANG ISTIRAHAT BERHAWA DINGIN

Dilengkapi televisyen berskrin lebar dan dispenser minuman layan diri. Sementara kereta diservis atau dibaiki, pelanggan boleh menunggu sambil menikmati minuman ringan, bahan bacaan dan siaran ASTRO yang disediakan.

*Untuk temu janji, sila hubungi talian*

**BEBAS TOL: 1-800-88-6999**

# Prihatin

BERITA SPANCO



## PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

## SIDANG PENGARANG

Mubarak Ali Gulam Rasul

Peter Lim

Rusman Bassri

Zulkifli Abd. Aziz

## PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

2, Jalan Murai Dua

Batu Complex

51100 Kuala Lumpur.

Tel : 03-6253 2888

Faks : 03-6253 0623

emel : prihatin@spanco.com.my

Laman web : www.spanco.com.my

## PENCETAK

Percetakan Lai Sdn Bhd

No. 1, Persiaran 2/118C

Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak

Cheras, 56000 Kuala Lumpur.

Tel : 03-9173 1111

Fax : 03-9173 1969

## PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Kami bersedia menerima sebarang bentuk sumbangan karya untuk dipaparkan di dalam majalah PRIHATIN-Berita SPANCO.

Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon penulis. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Jilid 2, 2007 April - Jun

# kandungan



## PERUTUSAN

- 4 Menghargai Kemerdekaan dan Memainkan Peranan Dalam Penjagaan Fleet

## KORPORAT

- 5 Anak Bekas Tentera Kini Terajui Pentadbiran Fleet
- 6 90% Kemalangan Sendiri Tidak Dituntut




## MERDEKA

- 8 Perayaan Jubli Emas Merdeka: Sambut Dengan Penuh Kebanggaan Dan Kesyukuran
- 12 Peraduan 50 Tahun Merdeka SPANCO


## PENJAGAAN KERETA

- 13 Pemasangan Cermin Gelap Yang Dibenarkan
- 14 Bantuan Servis SPANCO: Hubungi Talian Bebas Tol Untuk Dapatkan Bantuan



## KESELAMATAN

- 16 Cermin... oh Cermin! Panduan Menyesuaikan Cermin Sisi Kenderaan
- 17 Mengurangkan Risiko Jalan Berlubang
- 18 Pertimbangan Untuk Pulihkan Industri Pemotoran Negara



- 19 Aquaplaning: Berjaga-jaga Ketika Hujan

## PELANCONGAN

- 20 Tahun Melawat Malaysia 2007: 10 Tempat Menarik Untuk Dikunjungi

## KHABAR PRIHATIN

- 23 Perbendaharaan dan SPANCO Bekerjasama Anjurkan Kursus



BARISAN HADAPAN  
PUSAT SERVIS  
WILAYAH – BANGI



**Asok Kumar  
Krishnasamy**  
Pengurus Worksyp



**Ahmad Haruzaini  
Harun**  
Penasihat Servis Kanan



**Mohd Nazri  
Hj. Ya'acob**  
Penasihat Servis



**Hisham Boiman**  
Penasihat Servis

## Menghargai Kemerdekaan dan Memainkan Peranan Dalam Penjagaan Fleet

**T**ANGGAL 31 Ogos 2007, maka genaplah 50 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan. Dilihat dari sudut usia, setengah abad bolehlah dikira agak muda kerana banyak lagi negara lain yang telah wujud lebih lama dari itu.

Bagaimanapun, dengan perancangan dan pelaksanaan dasar yang bijak, tersusun, berkesan lagi teliti, Malaysia berjaya menjadi sebuah negara yang pesat membangun serta mampu bersaing dengan negara lain yang lebih dahulu mengecap kemerdekaan.

Bermula dengan kebergantungan kepada sektor pertanian dan bahan mentah, Malaysia kini memiliki kekuatan ekonomi yang datang dari pelbagai sektor seperti pembuatan dan perkhidmatan. Ini adalah satu pencapaian yang secara perbandingan, berjaya diperoleh dalam masa yang singkat yang begitu membanggakan.

Kesinambungan dasar yang direncanakan oleh para pemimpin kita bagi memangkinkan pembangunan yang berterusan seperti pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Penswastaan membantu mengembangkan ekonomi Malaysia dengan pesat.

Konsep penyumberan luar (*outsourcing*) yang diguna pakai dalam penswastaan pelbagai agensi Kerajaan ternyata memberi kelebihan kepada para pelanggan kerana mutu perkhidmatan yang disediakan adalah lebih terjamin dan memuaskan.

Penubuhan Pengurusan Fleet SPANCO adalah salah satu contoh bagaimana dasar dan konsep ini dimanfaatkan sepenuhnya. Ditubuhkan pada 1994, SPANCO telah berjaya mempertingkatkan perkhidmatan dan memajukan fleet secara berterusan dari tahun ke tahun sejak mula beroperasi.

Bagaimanapun setelah lebih sedekad menyediakan perkhidmatan pengurusan fleet profesional kepada Kerajaan Perse-

kutuan, cabaran yang terbesar yang dihadapi sekarang ialah menangani peningkatan kemalangan dan saman.

Perangkaan terbaru menunjukkan lebih RM2 juta dibelanjakan untuk membaiki kerosakan kemalangan sehingga Mei 2007, manakala lebih 10 ribu notis saman diterima dalam tempoh 9 bulan. Ini berlaku walaupun pelbagai usaha diambil oleh kami untuk memberi kesedaran kepada pelanggan.

Kami percaya cabaran ini perlu dihadapi bukan hanya melalui pendekatan penguatkuasaan semata-mata tetapi juga peningkatan kesedaran dan rasa tanggungjawab.

Atau dalam erti kata lain, sudah tiba masanya untuk para pelanggan terutama pemandu berkongsi tanggungjawab dengan memainkan peranan yang lebih besar dalam pemilikan serta penjagaan kereta fleet yang digunakan.

Bermakna tidak kira sama ada sebagai kenderaan rasmi atau jabatan, sesebuah kereta mestilah digunakan dengan penuh keprihatinan dan diberi perhatian seperti menjaga harta milik sendiri.

Justeru, dalam kita menyambut perayaan ulang tahun ke-50 dan menghayati erti kemerdekaan yang sebenar, adalah penting untuk kita bersama-sama meningkatkan disiplin selain menggunakan dan menjaga apa jua yang diamanahkan dengan penuh perasaan tanggungjawab.

Salam Merdeka dan Selamat Memandu.

**Dato' Hamzah Mohd Salleh**  
Ketua Pegawai Eksekutif

# ANAK BEKAS TENTERA

## Kini Terajui Pentadbiran Fleet

**P**ERUBAHAN adalah lumrah dalam dunia hari ini dan sesiapa sahaja yang tidak mampu menyesuaikan diri dengan arus perubahan pasti akan ketinggalan.

Bagi Zulkifli Abd Aziz, Pengurus Pentadbiran Fleet yang baru, perubahan sudah menjadi satu kelaziman. Anak anggota tentera ini dibesarkan dari sebuah kem ke sebuah kem di merata tempat.

Ayahnya, Mejar (B) Abd Aziz Jaafar dahulunya menjawat jawatan Quarter Master, pernah bertugas di pelbagai daerah antaranya Kem Pengkalan Chepa, Kelantan; Kem Terendak, Melaka; Kluang, Johor; Kem Lok Kawi, Sabah; Alor Setar, Kedah; Port Dickson, Negeri Sembilan dan Kem 502(AW) Jalan Ampang.

Zulkifli merupakan anak kedua Mejar (B) Abd Aziz yang terdiri daripada lima orang adik-beradik.

Zulkifli memulakan kerjaya bersama Transfleet Holdings sebagai Eksekutif Kanan Akaun setelah menamatkan pengajian Sarjana Muda Perakaunan dengan kepujian daripada UiTM.

Semasa di Transfleet, beliau mengendalikan akaun untuk Gajah Navigations Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat perkapalan pertama di Malaysia yang memiliki kapal pakar dalam pengangkutan berat (Heavy Lifts).

Zulkifli menyertai Pengurusan Fleet Profesional SPANCO pada 2000 dan seterusnya dilantik sebagai Pengurus Pentadbiran Fleet pada 1 April 2007.

Sepanjang bersama SPANCO, beliau diberi beberapa peranan penting antaranya di bahagian perakaunan dan khidmat pelanggan. Tidak hairan kalau ramai anggota Kerajaan yang mengenalinya memandangkan beliau sering memberi taklimat mengenai pengurusan SPANCO sama ada melalui lawatan mahupun jemputan oleh Kementerian/Jabatan Kerajaan.

Pendedahan dan pengalaman yang ditimba itu menjadi asas kekuatan buat beliau dalam memikul tanggungjawab menguruskan pentadbiran fleet.

### PERANAN

Sebagai seorang anak anggota tentera yang dibesarkan dengan disiplin yang tegas, Zulkifli amat mengenali dunia ketenteraan. Pengalaman ini amat membantu memandangkan, selain kakitangan awam, majoriti pelanggan SPANCO juga terdiri daripada tentera darat, laut dan udara, di samping anggota polis.

Zulkifli kini menerajui sembilan orang di jabatannya dan bertanggungjawab terhadap aspek yang melibatkan pengurusan fleet dan perolehan kenderaan.

Secara ringkasnya antara peranan Jabatan Pentadbiran Fleet adalah:

- memastikan penggantian kenderaan pada kitaran yang telah ditetapkan
- memastikan setiap kenderaan dilesenkan dan mempunyai cukai jalan yang sah
- urusan pembekalan kereta baru dari pihak pembekal menepati masa yang telah ditetapkan
- menyediakan laporan berkala secara bulanan dan suku tahunan
- data fleet konsesi sentiasa dikemas kini
- urusan penjualan di bawah opsyen pembelian kereta konsesi oleh pegawai berkelayakan semasa bersara berjalan dengan lancar
- pengurusan saman PDRM dan Majlis Perbandaran

Zulkifli mendapat kepuasan jika pelanggan gem-bira dengan khidmat yang diberikan. Pencapaian buat beliau ialah apabila segala urusan pentadbiran berjalan dengan lancar, pembekalan kereta konsesi menepati tempoh yang ditetapkan dan pelanggan berpuas hati dengan khidmat yang diberikan.

Cabaran Zulkifli seterusnya adalah untuk memimpin Pentadbiran Fleet supaya terus menjadi sebuah jabatan yang cekap dan mampu mengendalikan fleet Kerajaan yang lebih besar, pada bila-bila masa.

Bagi menjayakan matlamat itu, Zulkifli yang sudah pun berumah tangga dan memiliki empat orang cahaya mata serta meminati sukan golf, memerlukan kerjasma dari segenap rakan sekerja di bawahnya. Baginya, semangat berpasukan, keikhlasan dan sikap bertanggungjawab merupakan kunci bagi mencapai sesuatu kejayaan.

Berkat pengalaman dan pendedahan yang dimiliki, pihak pengurusan SPANCO yakin Zulkifli mampu melaksanakan tugas yang diamanahkan itu dengan cemerlang.

**ZULKIFLI...**  
Jabatan Pentadbiran Fleet  
sentiasa bersedia dan positif  
dalam menghadapi cabaran  
mendatang.





# 90% Kemalangan Sendiri Tidak Dituntut

*RM2.6 juta untuk kemalangan lima bulan pertama*

**S**EBANYAK 507 kes dari 565 kes kemalangan sendiri yang berlaku sepanjang 2007 dibaiki oleh Pengurusan Fleet SPANCO tanpa membuat tuntutan melalui pihak insurans.

Ini bermakna hanya 58 kes atau 10% daripada keseluruhan kemalangan kategori itu dituntut manakala selebihnya ditanggung sama ada oleh Pengurusan Fleet atau pihak yang terbabit.

Kemalangan sendiri merupakan jenis kemalangan dan kerosakan yang berpunca daripada kecuaiannya pemandu sendiri seperti terbabas, terlanggar lubang, longkang dan sebagainya serta

*...kemalangan sendiri  
masih merupakan jenis  
kemalangan tertinggi  
dari segi kos pembaikan  
dan jumlah kes...*

**9 Jenis Kemalangan Dengan Kos Terbesar (Januari – Mei 2007)**

BIL	JENIS	JUMLAH KES	JUMLAH KOS
1.	Kemalangan Sendiri	565	RM773.8 ribu
2.	Kerosakan Harta Pihak Ketiga	68	RM434.6 ribu
3.	Lupus	13	RM395.7 ribu
4.	'Knock for knock'	66	RM307.6 ribu
5.	Kena Langgar	47	RM281.5 ribu
6.	Kecurian	4	RM218.0 ribu
7.	Kemalangan di tempat Memakir	39	RM128.1 ribu
8.	Langgar Binatang	9	RM49.7 ribu
9.	Kecederaan Pihak Ketiga	5	RM28.9 ribu

tidak membabitkan pihak lain.

Bagaimanapun setiap kereta fleet Kerajaan Persekutuan seliaan SPANCO adalah dilindungi sepenuhnya terhadap kerosakan, kecurian dan kebakaran selain liabiliti pihak ketiga.

## **KECUAIAN SENDIRI**

Seperti tahun-tahun sebelum ini, kemalangan sendiri masih merupakan jenis kemalangan tertinggi dari segi jumlah kes dan kos pembaikan, yang dicatatkan oleh fleet Kerajaan Persekutuan.

Ini terbukti apabila sejumlah RM773.8 ribu dibelanjakan untuk membaiki 565 kes kemalangan kategori itu antara Januari dan Mei 2007 sahaja.

Bermakna purata RM1,370 digunakan untuk membaiki pulih setiap kemalangan akibat kecuaiannya sendiri bagi tempoh tersebut.

Seterusnya, kes kerosakan harta pihak ketiga merupakan kemalangan jenis kedua tertinggi dari segi kos baik pulih iaitu melibatkan RM434.6 ribu dengan 68 kes.

**AMANAHAH...** Setiap pelanggan SPANCO turut memainkan peranan untuk menjaga kereta yang diamanahkan kepada mereka.

Manakala di tempat berikutnya ialah kes lupus dengan RM395.7 ribu dan 13 kes, 'knock for knock' (RM307.6 ribu, 66 kes), kena langgar (RM281.5 ribu, 47 kes), kecurian (RM218.0 ribu, 4 kes), kemalangan di tempat memakir (RM128.1 ribu, 39 kes) dan langgar binatang (RM49.7 ribu, 9 kes).

### KOS DAN KES

Secara keseluruhan, RM2.618 juta dibelanjakan untuk membaiki pelbagai jenis kemalangan berjumlah 816 kes kesemuanya setakat Mei 2007.

Jumlah kos pembaikan dan kes kemalangan itu didapati meningkat berbanding lima bulan pertama pada tahun-tahun sebelum ini.

### SAIZ FLEET KONSESI

Sementara itu jumlah fleet setakat Mei 2007 ialah 5,658 buah di mana 2,809 adalah dari model Proton Wira, 1,184 adalah Perdana Standard, 989 Iswara, 348 Perdana Executive, 323 Waja dan 5 Chancellor.

TAHUN	KES	KOS	PURATA SETIAP KEMALANGAN
2004	711	RM2.204 juta	RM3,100
2005	650	RM2.449 juta	RM3,768
2006	710	RM2.219 juta	RM3,125
2007	816	RM2.618 juta	RM3,208

**TERUS MENINGKAT...** Perbandingan Jumlah Kemalangan 5 Bulan Pertama (2004-2007)

### SAMAN

Dalam pada itu, sebanyak 47,547 saman PDRM yang tertunggak masih belum dijelaskan oleh pelanggan-pelanggan SPANCO setakat April 2007.

Daripada jumlah itu, 44,771 atau 94% adalah saman kesalahan had laju.

Sebanyak 3,327 saman PDRM diterima dalam bulan April 2007 sahaja atau secara purata 1 saman bagi setiap 1.7 buah kereta konsesi.

Selain itu sebanyak 11,816 saman baru turut diterima bagi tempoh 9 bulan iaitu antara Ogos 2006 hingga April 2007.


Semua saman itu dikeluarkan oleh PDRM terhadap kesalahan lalu lintas yang dilakukan kereta fleet

### JUMLAH FLEET MENGIKUT MODEL SETAKAT MEI 2007

PERDANA EXE	348
PERDANA STD	1,184
WAJA CHANCELLOR	5
PROTON WAJA	323
PROTON WIRA	2,809
PROTON ISWARA	989
<b>JUMLAH</b>	<b>5,658</b>

di bawah seliaan SPANCO. Kereta-kereta itu digunakan oleh 38 kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan di seluruh negara.

**Perbandingan Statistik Lima Bulan Pertama (2004-2007)**



# Perayaan Jubli Emas Merdeka Sambut Dengan Penuh Kebanggaan dan Kesyukuran



Tun Dr. Ismail Abdul Rahman



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj



Tun Tan Cheng Lock

**D**ETIK yang ditunggu-tunggu 31 Ogos 2007 akan menandakan genap 50 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan. Pencapaian Negara sejak setengah abad yang lalu cukup membanggakan.

Jika disingkap kembali masa lampau, banyak perkara dan peristiwa yang membentuk negara Malaysia hari ini.

Sesungguhnya kemerdekaan itu tidak datang dengan mudah tanpa perjuangan dan pengorbanan banyak pihak. Cabaran, rintangan dan halangan terpaksa diharungi dalam membebaskan tanah air yang

*Sesungguhnya  
kemerdekaan itu tidak  
datang dengan mudah  
tanpa perjuangan dan  
pengorbanan banyak  
pihak. Cabaran, rintangan  
dan halangan terpaksa  
diharungi dalam  
membebaskan tanah air  
yang tercinta.*



Tun V.T. Sambanthan



tercinta.

Seharusnya semangat juang perwira-perwira kita diwarisi oleh setiap anak bangsa Malaysia hari ini.

### SEJARAH KEMERDEKAAN

Persidangan Kongres Melayu pada 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur adalah sejarah penting dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Peristiwa itu menyaksikan orang Melayu bangun membantah cadangan *Malayan Union* serta bersatu mempertahankan hak mereka dan pemerintahan Melayu.

Buat pertama kalinya dalam sejarah nasionalisme Melayu, orang Melayu dengan lantang mengepikan kepentingan kenegerian dan bersatu menentang perancangan penjajah.

Kongres gabungan 41 pertubuhan Melayu membantah keras cadangan yang dapat menghakis kedaulatan Raja-Raja Melayu dan memberikan kerakyatan secara automatik serta sama rata kepada bukan Melayu.

Berikutan keputusan kongres, satu parti politik dibentuk semasa persidangan Kongres Melayu Ketiga yang diadakan di Istana Besar Johor Bahru dari 11 hingga 12 Mei 1946.

*United Malay National Organisation* atau UMNO ditubuhkan di bawah pimpinan Datuk Onn Jaafar.

**DETIK BERSEJARAH...** Tunku mengisytiharkan kemerdekaan Tanah Melayu di depan Raja-Raja Melayu dan puluhan ribu rakyat sambil disaksikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Inggeris dan perwakilan negara asing yang lain.



Tun Temenggong Jugah anak Barieng



Tun Mohd Fuad Stephens

Dengan lahirnya parti politik itu, orang Melayu seterusnya menyasarkan untuk memerdekakan Tanah Melayu.

### RUNDINGAN KEMERDEKAAN

*Malayan Union* berjaya dibatalkan dan sebaliknya, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan oleh British melalui Perjanjian Tanah Melayu yang dimeterai pada 21 Januari 1948.

Tidak lama kemudian, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengambil alih tampuk kepimpinan UMNO serta menerima sokongan

daripada masyarakat Cina dan India dalam perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan.

Pemimpin-pemimpin seperti Tun V.T. Sambanthan dan Tun Tan Cheng Lock adalah nama yang tidak asing lagi dalam usaha menyatupadukan masyarakat berbilang kaum pada masa itu.

Itulah titik permulaan kerjasama antara etnik yang masih berterusan hingga ke hari ini. Malah, semasa pilihan raya pertama diadakan pada 27 Julai, 1955, gabungan UMNO, MCA dan MIC telah memenangi hampir kesemua kerusi perbandaran





Tun Abdul Razak



Tun Hussein Onn



Tun Dr. Mahathir Mohamad

Kuala Lumpur.

Dengan kemenangan itu, Tunku membawa mandat mengetuai delegasi kedua ke London pada 18 Januari 1956. Turut serta ialah empat wakil pembesar Melayu selain Tun Abdul Razak Hussein, Tun Omar Ong Yoke Lin dan Tun Sambanthan.

Persetujuan kemerdekaan berjaya ditandatangani di London pada 8 Februari, 1956 setelah rundingan kedua diadakan dan Tunku mengumumkan tarikh kemerdekaan iaitu 31 Ogos 1957 di hadapan ribuan rakyat di Bandar Hilir, Melaka.

#### TARIKH KERAMAT

Sebenarnya, tarikh kemerdekaan telah pun ditentukan sebelum Tunku berlepas ke London lagi. Perbincangan pada tahun 1956 itu dihadiri oleh Ketua Pemuda UMNO, Tun Sardon Jubir dan timbalannya Haji Ahmad Badawi di Kepala Batas, Pulau Pinang.

Haji Abdullah Fahim, iaitu ayah kepada Haji Ahmad Badawi, yang merupakan ahli falak tersohor dan mufti Pulau Pinang ketika itu, mencadangkan tarikh 31 Ogos setelah meneliti tarikh kemerdekaan negara-negara lain seperti India dan Indonesia.

Pada 31 Ogos 1957, laungan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali telah

*Para pemimpin seperti  
Tun Abdul Razak,  
Tun Hussein Onn, Tun  
Dr. Mahathir Mohamad  
dan kini Dato' Seri Abdullah  
Ahmad Badawi telah memacu  
negara ke tahap yang lebih  
tinggi, berasaskan platform  
perkongsian kuasa yang telah  
diguna pakai di ambang  
kemerdekaan.*

menggegarkan Stadium Merdeka apabila beribu-ribu rakyat melangkannya bersama-sama Tunku. Lagu 'Negaraku' diperdengarkan buat pertama kalinya dan 101 tembakan kedengaran menandakan Malaya telah bebas merdeka.

Tunku, yang bergelar 'Bapa Kemerdekaan' menjadi Perdana Menteri yang pertama. Pada 16 September 1963, Malaya secara rasmi menjadi Malaysia dengan penyertaan Sabah, Sarawak dan Singapura. Bagaimanapun, Singapura berpecah daripada Malaysia atas sebab-sebab politik pada 1965.

Tokoh Sarawak, Tun Temenggong Jugah anak Barieng dan tokoh Sabah, Tun Mohd Fuad Stephens

adalah dua pemimpin yang banyak berjasa dalam pembentukan Malaysia seperti yang ada hari ini.

#### SEMANGAT NASIONALISME

Sebenarnya semangat nasionalisme bermula sejak dahulu lagi. Pada awal 1920-an, para penulis dan cendekiawan Melayu cuba membangkitkan semangat patriotik untuk menentang penjajah dengan mencontohi pergerakan nasionalisme dari negara-negara Asia lain seperti India dan China.

Manakala lama sebelum itu lagi, pahlawan Melayu seperti Mat Kilau, Datuk Bahaman, Tok Gajah, Tok Janggut, Tok Limbong, Bong Karim, Datuk Maharaja Lela dan Dol Said telah pun bangkit menentang British dengan gagah berani.

Sementara dari Sarawak dan Sabah pula ialah Sharif Masahor, Rentap, Antanom dan Mat Salleh.

Pendudukan Jepun dari tahun 1941 hingga 1945 mengukuhkan lagi semangat nasionalisme atas kesedaran bahawa 'orang putih' tidak lagi berupaya memberikan perlindungan dan sebenarnya mampu dikalahkan.

Kekejaman Jepun melahirkan *Malayan People's Anti Japanese Army* (MPAJA) atau Tentera Bintang Tiga. Namun pergerakan itu memperjuangkan ideologi komunis



dalam membebaskan Tanah Melayu dan merupakan pendahulu kepada Parti Komunis Malaya (PKM) yang diharamkan.

### MALAYSIA MEMBANGUN

Kini, selepas 50 tahun merdeka, Malaysia telah berubah menjadi salah sebuah negara Asia Tenggara yang sedang maju dan makmur dengan sektor pengeluaran yang berdaya saing selain bandar raya yang penuh dengan pencakar langit.

Walaupun terdapat beberapa peristiwa hitam dalam sejarah kita, namun secara keseluruhannya Malaysia telah berjaya membangun mengikut perancangan teliti yang berkesan yang direncanakan oleh pemimpin-pemimpin sebelum ini.

Salah seorang tokoh yang banyak berjasa ialah Tun Dr. Ismail Abdul Rahman yang merupakan Timbalan Perdana Menteri (1970-1973) serta pencetus idea pembangunan seperti penubuhan Wilayah Persekutuan dan FELDA.

Para pemimpin seperti Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan kini Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah memacu negara ke tahap yang lebih tinggi, berasaskan platform perkongsian kuasa yang telah diguna pakai di ambang kemerdekaan.

Pembasmian kemiskinan serta penyusunan semula masyarakat yang dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) berikutan peristiwa 13 Mei 1969, berjaya memberikan kestabilan politik kepada Negara.

Seterusnya pelan pembangunan yang menyaksikan peralihan pergantungan daripada pertanian dan bahan mentah kepada ekonomi pelbagai sektor mula dipelopori pada awal 70-an dan kini ternyata berhasil.

Bermula awal 80-an, dasar Penyarikatan Malaysia pula diperkenalkan bagi menjana pertumbuhan negara. Perkhidmatan seperti pos, telefon dan elektrik diswastakan bagi meningkatkan produktiviti serta kecekapan selain menyedi-



Putra LRT



Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi



Menara Berkembar Petronas

akan kemudahan yang lebih selesa untuk orang ramai.

Khidmat penyumberan luar atau 'outsourcing' turut dimanfaatkan bagi meringankan beban Kerajaan di samping menggalakkan penyer-taan bumiputera dalam bidang perniagaan. SPANCO adalah antara contoh organisasi pakar yang diberi peranan itu.

### MALAYSIA SELEPAS 50 TAHUN

Kini arus globalisasi dan liberalisasi perdagangan dunia pula dilayari dengan penuh cabaran dan keyakinan. Malaysia terus mengembangkan sayap ke serata dunia dan ke dalam sektor yang tidak pernah diimpikan sebelum ini.

Usaha giat dilakukan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kepada pelbagai industri berdaya maju seperti ICT dan kewangan Islam.

Di samping itu Malaysia merupakan pengerusi Organisasi Negara-Negara Islam, atau OIC dan sering memberi pendapat dalam isu-isu antarabangsa. Sebagai sebuah negara majmuk dengan kepelbagaian adat budaya, Malaysia juga menjadi contoh kepada negara membangun lain.

Kejayaan yang dikecap selama setengah abad merupakan hasil usaha dan titik peluh pejuang-pejuang sebelum ini. Hasil kemakmuran kini dinikmati bersama oleh rakyat berbilang kaum dan SPANCO adalah salah sebuah daripada ribuan organisasi yang berkongsi faedah itu.

Justeru sempena Perayaan Jubli Emas Kemerdekaan, SPANCO mengambil kesempatan merakamkan jutaan terima kasih kepada mereka yang telah berjasa dan menyumbangkan bakti kepada Negara.

SPANCO turut berbangga menjadi sebahagian dari bumi yang bebas dan bertuah ini. Warga kami akan terus menyumbang tenaga untuk bersama-sama memainkan peranan memastikan impian Negara seterusnya tercapai.

Selamat Hari Kebangsaan Ke-50.



*Malaysiaku Gemilang*

# PERADUAN 50 TAHUN MERDEKA SPANCO

*MENANG! Baucar Jusco RM150 untuk 5 pembaca bertuah*

## Jawab soalan berikut:

1. Siakah pemimpin pertama yang menerajui United Malay National Organisation (UMNO)?  
\_\_\_\_\_
2. Bilakah tarikh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dimeterai?  
\_\_\_\_\_
3. Siakah tokoh yang dikenali sebagai 'Bapa Kemerdekaan' yang juga merupakan Perdana Menteri pertama Malaysia?  
\_\_\_\_\_
4. Namakan dua tokoh bukan Melayu yang berjuang untuk menyatukan masyarakat Malaya sebelum mencapai kemerdekaan?  
\_\_\_\_\_
5. Namakan dua pemimpin dari Sabah dan Sarawak yang memainkan peranan dalam pembentukan Malaysia?  
\_\_\_\_\_
6. Bilakah negara Malaysia secara rasminya ditubuhkan?  
\_\_\_\_\_
7. 31 Ogos 2007, Malaysia meraikan ulang tahun kemerdekaan yang ke-  
\_\_\_\_\_

Nama: \_\_\_\_\_ K/P: \_\_\_\_\_

Jabatan/Kementerian: \_\_\_\_\_ Jawatan: \_\_\_\_\_

Tel: \_\_\_\_\_ (R) \_\_\_\_\_ (P) Umur: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## Syarat & Peraturan

1. Penyertaan terbuka kepada semua pembaca PRIHATIN kecuali kakitangan SPANCO dan keluarga terdekat.
2. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan tetapi mesti menggunakan borang asal. Salinan fotokopi tidak akan diterima.
3. Pemenang akan ditentukan melalui jawapan yang betul dan diadili oleh panel hakim. Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
4. Penyertaan yang lewat atau tidak lengkap tidak akan diterima.
5. Pemenang akan diberitahu melalui pos.
6. Jawapan yang betul dan 5 nama pemenang akan disiarkan di dalam majalah PRIHATIN – Berita SPANCO Jilid 3, 2007.
7. Penyertaan harus diterima selewat-lewatnya pada 30 Ogos 2007.

*Sila hantar jawapan anda ke:*

**PERADUAN 50 TAHUN MERDEKA SPANCO**  
**SPANCO Sdn Bhd**  
**2 Jalan Perusahaan 2**  
**Kawasan Perusahaan Batu Caves**  
**68100 Batu Caves**  
**Selangor Darul Ehsan**



# Pemasangan **CERMIN GELAP** Yang Dibenarkan

**P**ERATURAN menghadkan penggunaan cermin gelap bagi kenderaan persendirian di negara ini adalah untuk menjamin keselamatan jalan raya.

Pemasangan lapisan warna yang melampau pada cermin depan, sisi dan belakang kereta dikhuatiri boleh menghalang penglihatan pemandu terutama pada waktu malam dan persekitaran yang kurang cahaya.

Selain itu peraturan ini juga bertujuan untuk menjaga kepentingan dan ketenteraman awam. Ia supaya pemandu, penumpang atau sesiapa sahaja yang berada di dalamnya mudah dilihat dari luar tanpa cermin perlu diturunkan.

Undang-undang jalan raya telah menetapkan bahawa cermin sesebuah kenderaan mesti boleh tembus cahaya pada kadar peratusan yang tertentu.

Bagaimanapun terdapat pengecualian yang diperuntukkan terhadap orang-orang tertentu atas sebab kesihatan dan keselamatan.

Meskipun begitu, sesiapa sahaja dibenarkan untuk membuat permohonan bagi mendapatkan pengecualian khas memasang cermin gelap pada kenderaan mereka.

## Memohon pengecualian khas

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Khas CG1 yang boleh didapati daripada Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Putrajaya.

Semua permohonan perlu disertakan dengan dokumen-dokumen berikut:

- Salinan kad pengenalan yang disahkan.
- Surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan serta rekod-rekod perubatan yang terkini.

- Bagi permohonan untuk tujuan keselamatan, sertakan dokumen-dokumen sokongan.

## Kelulusan

Semua permohonan akan dipertimbangkan dan akan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan untuk persetujuan. Selepas itu akan dibawa pula kepada Menteri Pengangkutan untuk kelulusan.

## Tempoh

Tempoh kelulusan penggunaan cermin gelap adalah satu tahun sahaja dan perlu diperbaharui setiap tahun.

## Pembaharuan

Permohonan memperbaharui kelulusan cermin gelap hendaklah dibuat tiga bulan sebelum tamat tempoh.

Pemohon yang ingin memperbaharui pengecualian khas mereka mesti menyertakan dokumen berikut:

- Borang CG1 yang telah diisi dengan lengkap.
- Salinan kad pengenalan yang disahkan.
- Surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan serta rekod-rekod perubatan yang terkini.
- Salinan Surat Kelulusan Menteri Pengangkutan.
- Salinan Kad Pendaftaran Kenderaan.

Pengguna jalan raya juga perlu dimaklumkan bahawa peraturan dan tahap ketelusan cahaya yang dibenarkan itu boleh dipinda pada bila-bila masa apabila dirasakan perlu.



Kaedah 5 (1) dan Kaedah 5 (3), Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) Pindaan 2000, menetapkan ketelusan cahaya bagi cermin kereta mestilah:

- cermin depan - tidak kurang 70%
- cermin belakang dan tepi - tidak kurang dari 50%

Kaedah 11(a) dan 11(b), Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) 1991 membenarkan pemasangan cermin gelap kepada orang-orang tertentu yang menghadapi:

- masalah kesihatan kulit terdedah
- ancaman keselamatan

Mana-mana pemilik atau pemandu kenderaan yang tidak mematuhi peraturan cermin gelap boleh didenda:

- tidak melebihi RM500 atau penjara tidak melebihi 2 minggu untuk kesalahan pertama; dan
- tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi 1 bulan atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan berikutnya

(sumber: JPJ)

# Bantuan Servis SPANCO

## Hubungi Talian Bebas Tol Untuk Dapatkan Bantuan

*Pelanggan SPANCO yang mengalami kerosakan kenderaan boleh meminta bantuan, termasuk khidmat tunda melalui rangkaian pusat servis di seluruh negara*

**S**IAPA yang tidak pernah mengalami kerosakan di tengah-tengah perjalanan? Bagi mereka yang pernah melaluinya, pasti bersetuju bahawa persiapan sangat penting dalam menghadapi apa jua kejadian yang tidak diingini.

Bagi pelanggan SPANCO pula, mereka tidak perlu gusar. Sekiranya menghadapi kecemasan di jalan raya, masalah anda akan segera diatasi oleh SPANCO supaya anda

dapat meneruskan perjalanan dengan selesa tanpa masalah.

Anda hanya perlu menelefon talian bebas tol **1-800-88-6999** jika memerlukan sebarang bantuan seperti mengalami kecederaan, kemalangan atau kerosakan.

Rakan sekerja SPANCO dari Unit Kawalan Senggaraan yang beroperasi 24 jam akan segera membantu dan memaklumkan anda langkah yang selanjutnya.



**Bantuan Servis  
SPANCO  
1-800-88-6999  
adalah:**

- Percuma
- 24 jam sehari
- 365 hari setahun
- Seluruh negara

### PASUKAN BANTUAN

Semasa membuat panggilan kecederaan, pelanggan perlu menyediakan maklumat berikut:

- 1 Nama penuh
- 2 Nombor pendaftaran kereta
- 3 Nombor telefon untuk dihubungi
- 4 Lokasi kereta
- 5 Masalah kereta

**SEDIA MEMBANTU...** Pasukan Bantuan Servis Kerosakan sedang memberi pertolongan kepada seorang pelanggan, LK I TNS (S) Khairul Anuar Adam dari KEMANTAH.





**KHIDMAT TUNDA...**  
Buku panduan SPANCO disediakan dalam setiap kereta konsesi. Pastikan ia disimpan di tempat yang mudah dicapai seperti laci atau kompartmen.

Pelanggan disarankan supaya sentiasa berada di sisi kereta sementara menunggu bantuan tiba.

Bagi kawasan di luar Lembah Klang, SPANCO akan mengarahkan Pusat Servis Diiktiraf (PSD) berhampiran untuk membantu pelanggan. Bantuan itu termasuk perkhidmatan menunda.

Maklumat terperinci mengenai pusat servis yang menyediakan khidmat tunda terdapat dalam buku 'Panduan Perkhidmatan dan Pusat-Pusat Servis SPANCO' yang disediakan dalam setiap kereta SPANCO.

Buku panduan yang dikemaskinikan setiap tahun itu dibekalkan kepada pelanggan sebagai rujukan untuk mendapatkan bantuan kecemasan, perkhidmatan servis lazim, baik pulih dan rombak rawat serta pelbagai perkhidmatan lain.

## KECEMASAN DI LEBUH RAYA

Lebuhraya dibina untuk menyediakan sistem pengangkutan yang cepat dan mudah. Oleh itu, setiap pengguna lebuhraya harus bekerjasama mematuhi undang-undang dan etika tertentu bagi menjamin ia selamat dan lancar.

Jika situasi kecemasan memerlukan anda berhenti di lebuhraya, maka:

*Pelanggan disarankan supaya sentiasa berada di sisi kereta sementara menunggu bantuan tiba.*

- Gunakan lorong kecemasan untuk memperlantikan kenderaan anda
- Hati-hati terhadap batu atau objek lain di bahu jalan yang boleh merosakkan tayar
- Sebolehnya letakkan kenderaan di lorong paling kiri atau di lorong kecemasan yang disediakan
- Jika jalan mendaki bukit, tayar depan dihalakan ke arah jalan dan jika menuruni pula, ke arah bahu jalan
- Tarik brek tangan
- Pasangkan lampu isyarat kecemasan
- Hidupkan lampu sisi jika keadaan mula gelap

## DISARANKAN SUPAYA:

- Anda dan penumpang keluar dari kenderaan melalui pintu kiri sebelah penumpang

- Berdiri jauh daripada lalu lintas, sebaik-baiknya di belakang pengadang bahu jalan
- Jangan cuba membaiki kenderaan di lorong kecemasan kerana ia sangat bahaya terutama sekali jika anda berdiri di sebelah kanan kenderaan paling dekat dengan laluan
- Hubungi unit bantuan kecemasan lebuhraya dengan segera melalui telefon kecemasan yang disediakan atau telefon bimbit
- Seterusnya hubungi SPANCO

## NOMBOR KECEMASAN

PLUSLINE	1-800-88-0000
PLUS, ELITE & LINKedua	03-2692 0000
LITRAK (LDP & SPRINT)	03-7494 7333
Polis & Ambulans	999
Bomba	994
Pertahanan Awam	991
Kemalangan & Bencana Alam	991

# Cermin... Oh Cermin!

## Panduan menyesuaikan cermin sisi kenderaan

**T**AHUKAH anda bahawa banyak kemalangan mungkin dapat dielakkan sekiranya pemandu melaraskan cermin sisi mereka dengan sempurna sebelum memandu?

Kajian oleh sebuah syarikat pengurusan fleet terkemuka di United Kingdom mendedahkan 80% daripada 1,700 orang pemandu yang disoal selidik mengaku bahawa cermin mereka tidak dilaraskan dengan betul.

menyebut bahawa reka bentuk kenderaan adalah punca utama yang menghalang penglihatan pemandu sebenarnya adalah kurang tepat.

Seseorang pemandu yang tertumpu kepada kenderaan di hadapan mungkin tidak menyedari akan kehadiran pengguna lain di belakang dan sisi terutama jika kedudukan cermin tidak dilaraskan.

Masalah itu lebih ketara pada kenderaan fleet yang bertukar-tukar pemandu.



Sebelum itu, perangkaan Jabatan Pengangkutan UK pula menunjukkan bahawa 15,000 pengguna terlibat di dalam kemalangan jalan raya akibat tidak nampak kenderaan lain.

Kajian itu membuktikan bahawa ramai yang tidak memanfaatkan penggunaan cermin sisi dengan sepenuhnya sehingga mengakibatkan kemalangan, yang sebenarnya boleh dielakkan.

Justeru beberapa laporan yang

Cara yang terbaik untuk memastikan cermin pada kedudukan yang betul ialah dengan meminta orang lain untuk berjalan di sekeliling kenderaan sebelum memulakan perjalanan. Orang itu mestilah dapat dilihat sama ada melalui cermin belakang atau sisi pada sepanjang masa.

Cermin sisi yang dilaraskan dengan sempurna dapat menghapuskan masalah *blind spot* atau kawasan tidak nampak.

### CARA MENGHAPUSKAN BLIND SPOT

#### 1. Laraskan cermin sisi pemandu ke luar

Naikkan tingkap dan lepapkan muka anda ke kaca tingkap. Laraskan cermin sisi sebelah pemandu ke luar sehingga anda hanya dapat melihat sempadan kanan tepi kereta anda.

Anda mestilah dapat melihat ke bawah pada laluan bersebelahan, dan bukannya badan kereta anda.

#### 2. Laraskan cermin sisi penumpang ke luar

Alihkan kedudukan kepala anda ke tengah iaitu selari dengan cermin pandang belakang.

Pada kedudukan itu dan seperti sebelumnya, laraskan cermin sisi sebelah penumpang pula supaya anda dapat melihat sempadan kiri tepi kereta anda.

#### 3. Periksa apa yang dapat dilihat di dalam cermin

Sekarang, apabila beralih pada kedudukan memandu yang betul, anda sepatutnya tidak lagi dapat melihat bahagian tepi kereta tetapi boleh nampak kereta lain dilorong bersebelahan.

#### 4. Berjalan mengelilingi kereta anda

Minta bantuan seorang kawan untuk berjalan mengelilingi kereta anda supaya anda dapat melihat dia dari semua sudut.

Anda mestilah sentiasa boleh melihatnya apabila dia bergerak dari pandangan cermin belakang ke cermin sisi dan sebaliknya.



# Mengurangkan Risiko Jalan Berlubang

**J**ALAN yang berlubang-lubang memang menyusahkan. Selain melambatkan perjalanan dan mengganggu keselesaan kita, ia juga boleh merosakkan kereta, terutama tayar dan rim.

Kita sering terserempak dengan jalan yang penuh berlubang di tapak pembinaan dan kawasan perindustrian di mana kenderaan berat tertumpu. Ada kalanya selepas dibaiki, lubang-lubang itu muncul kembali. Sesetengahnya akan dipenuhi air sehingga sukar untuk kita meneka sedalam mana lubang tersebut.


Sebagai pemandu, apakah tindakan kita untuk menangani masalah ini? Kami bertanya dengan jurutera di SPANCO tentang cara-cara mengurangkan kerosakan kenderaan apabila menghadapi jalan yang berlubang. Antara petua mereka ialah:

## 1. BERI PERHATIAN KEPADA TEKANAN TAYAR

Mengisi angin tayar pada tekanan yang disyorkan oleh pengeluar boleh membantu melindungi rim dan tayar kenderaan anda apabila terkena lubang. Justeru periksalah tekanan tayar anda menggunakan tolok tekanan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Tekanan tayar berbeza dari sebuah model dengan model yang lain serta antara tayar belakang dan depan.

## 2. JANGAN MEMBELOK PADA SAAT-SAAK AKHIR

Memusingkan tayar pada saat-saat akhir untuk mengelak boleh menyebabkan rim dan tayar kereta memasuki lubang pada kedudukan menyilang. Ini boleh mendatangkan



*Mengisi angin tayar pada tekanan yang disyorkan oleh pengeluar boleh membantu melindungi rim dan tayar kenderaan anda apabila terkena lubang.*

lebih banyak kerosakan berbanding memasuki lubang pada sudut tepat. Anda juga boleh menempah bahaya jika termasuk ke laluan sebelah secara tiba-tiba.

## 3. JANGAN MEMBREK TERLALU KUAT

Membrek dengan kuat apabila menghampiri lubang dalam keadaan laju akan menekan penyerap hentakan hadapan kereta dan menyebabkan rim serta tayar tertolak lebih dalam ke dalam lubang. Ini boleh mengakibatkan kerosakan yang lebih teruk berbanding jika terus merempuh lubang itu.

## 4. KURANGKAN KELAJUAN

Perlahankan kenderaan jika anda merasakan gegaran atau gangguan

secara tiba-tiba. Jika anda tidak dapat mengelak lubang dan mengesyaki rim atau tayar anda mengalami kerosakan, kurangkan kelajuan dengan segera tetapi jangan pula berhenti di tengah-tengah jalan. Setelah selamat untuk berhenti, periksa kenderaan anda.

Tidak kira secermat mana anda memandu, masih terdapat kemungkinan tayar anda bocor di lebuh raya atau laluan yang sibuk. Jika ini berlaku, pandu perlahan-lahan ke kawasan yang lebih selamat yang berhampiran tetapi jauh daripada laluan trafik.

Walaupun tindakan ini mungkin boleh merosakkan lagi tayar atau rim kereta anda, ia tidaklah sepenting nyawa anda. Saban tahun ramai pemandu terbunuh apabila dirempuh semasa sedang menukar tayar kereta.

## PENYERAP HENTAKAN

Sebenarnya casis dan komponen kenderaan telah dicipta sedemikian rupa untuk menangani ketidaksempurnaan permukaan jalan. Antaranya kadar lantunan penyerap hentakan telah disesuaikan supaya kerosakan akibat merempuh lubang dapat diminimumkan atau dielakkan sama sekali.

Walaupun demikian, pemandu masih tetap perlu berhati-hati dengan mengurangkan kelajuan dan mengamalkan tip yang diberikan semasa melalui jalan yang berlubang.

Dengan ilmu pengetahuan dan keprihatinan pemandu serta dibantu pula dengan teknologi moden, diharapkan pemandu-pemandu kini mampu menangani masalah jalan berlubang yang dihadapi setiap hari.

# Pertimbangan Untuk Pulihkan Industri PEMOTORAN NEGARA



**KERETA & KELUARGA...** Kadar pemilikan kereta di Malaysia semakin meningkat setiap tahun di mana kebanyakan keluarga memiliki sekurang-kurangnya sebuah kereta.

**I**NDUSTRI pemotoran dijangka akan menjadi lebih baik tidak lama lagi. Ini berikutan ramai penganalisis meramalkan jualan kereta akan meningkat bagi separuh penggal kedua tahun ini.

Persatuan Automotif Malaysia (MAA) mensasarkan peningkatan jualan kepada 500,000 unit pada tahun 2007 berbanding 490,768 pada tahun sebelumnya.

Jangkaan itu dipengaruhi oleh sentimen pengguna terhadap ekonomi yang bertambah baik dengan pelaksanaan Pelan Malaysia Kesembilan (RMK-9), pelancaran model kereta baru, pembiayaan jual beli yang dipermudahkan, kawalan stok yang lebih baik serta kestabilan harga kereta terpakai.

Kenaikan gaji sektor awam juga mengukuhkan lagi pendapat itu. Bagaimanapun sejauh manakah kebenarannya?

Sebenarnya kadar pemilikan kereta di Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia. Jualan tertinggi direkodkan pada 2004 dan 2005, dan masih terlalu awal bagi pembeli-pembeli untuk menukar kereta

mereka dalam tempoh ini.

Lazimnya pemilik menukar kereta mereka selepas empat atau lima tahun. Sudah tentunya pasaran kenderaan tepu itu menyebabkan penjualan kereta buat masa ini tidak begitu memberangsangkan.

Selain itu, memiliki kereta kini melibatkan kos yang lebih tinggi dengan kenaikan harga petrol dan kadar tol.

Sebelum ini, harga kereta baru yang lebih rendah menyebabkan harga kereta terpakai jatuh. Pengurangan harga kereta baru disebabkan penurunan duti import bagi kenderaan dari negara-negara ASEAN dan penurunan duti eksais bagi hampir kesemua jenis kereta di bawah Polisi Automotif Kebangsaan (NAP).

Ini menyebabkan pemilik kereta berhadapan dengan masalah nilai tukar beli yang rendah lantas menjejaskan keputusan untuk membeli kereta baru. Jangkaan yang harga kereta baru akan terus turun turut menyebabkan bakal pembeli menunggu dan menangguhkan pembelian mereka.

Nilai kereta terpakai yang rendah juga membuatkan institusi kewangan lebih berhati-hati dalam meluluskan pembiayaan sewa beli. Ia sekarang berhadapan dengan kemungkinan kerugian yang lebih besar atas kereta yang ditarik. Justeru, institusi kewangan kini lebih tertumpu kepada pelanggan yang berkualiti dan bernilai tinggi.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Gabungan Syarikat Motor dan Kredit Malaysia, Datuk Tony Khor berkata bahawa industri kereta terpakai telah mengalami kerugian ratusan juta ringgit akibat kejatuhan harga dan jualan kereta terpakai.

Beliau mencadangkan supaya kereta lama dilupuskan dan kereta terpakai dieksport selain pinjaman khusus disediakan kepada pengedar kereta terpakai bagi membolehkan mereka meneruskan perniagaan.

Manakala, antara cadangan yang perlu dipertimbangkan untuk memulihkan industri termasuklah:

- membantu pasaran kereta terpakai dalam melupuskan stok mereka supaya jualan kereta baru dapat diteruskan bersama-sama kereta terpakai;
- pelaksanaan polisi pelupusan kereta;
- mengenakan tarif yang lebih ketat supaya kemasukan kereta terpakai dan barangan murah serta bermutu rendah dapat dikawal;
- berhenti mengimport kereta terpakai *recond*, dan
- memastikan tiada lagi perubahan dalam pengecualian cukai sektor automotif daripada Kerajaan.

(sumber: The Star)



# Aquaplaning:

## Berjaga-jaga Ketika Hujan

**S**EJAK kebelakangan ini, cuaca sungguh tidak menentu. Kawasan Lembah Klang mengalami hujan hampir setiap hari, terutamanya menjelang petang. Di bandar besar pula, masalah banjir kilat kadangkala tidak dapat dielakkan.

Selain itu, air yang banyak bertakung di permukaan jalan raya juga boleh mengundang bahaya. Jika seseorang itu memandu dengan laju di atasnya, air boleh terkumpul di bawah tayar dan tidak sempat untuk dinyahkan.

Apabila tayar bergerak di atas lapisan air, tanpa benar-benar bersentuhan dengan permukaan jalan, tayar adalah dalam keadaan akuasatah (*aquaplaning*). Pada ketika itu, pemandu boleh hilang kawalan stereng kerana tayar tidak lagi mencengkam permukaan jalan raya akibat lapisan air itu.

Untuk mengelak keadaan ini, jangan sekali-kali memandu laju apabila melalui jalan yang berair. Ia bagi memberi masa kepada tayar mengenyahkan air dan mendapatkan cengkaman.

Sekiranya *aquaplaning* berlaku terhadap anda, jangan panik. Ikuti tip berikut:

- Pegang stereng dengan kedua-dua belah tangan dengan kemas
- Jangan membrek
- Lepaskan minyak dan tumpukan terhadap haluan anda
- Tukar kepada gear '*neutral*' jika boleh
- Jika kereta manual, tekan klac
- Beri tumpuan jauh ke hadapan
- Sebaik sahaja kereta sudah dapat dikawal, masuk semula ke aliran trafik secara perlahan-lahan dan kurangkan kelajuan

Selain itu pastikan tayar sentiasa diperiksa dan yang telah lusuh diganti secepat mungkin.


Tayar yang sudah botak dengan kedalaman bunga kurang dari 2mm adalah sangat bahaya kerana selain tidak memiliki cengkaman yang

secukupnya, ia juga tidak mampu mengenyahkan air dengan baik.

Walau apa pun situasinya, memandulah pada kelajuan yang sesuai. Di samping itu, kereta perlu disenggrakan secara berkala untuk menjamin keselamatan.

### TIP MEMANDU DI JALAN BASAH


- 1 Periksa tekanan tayar secara berkala
- 2 Kurangkan kelajuan
- 3 Pelajari teknik untuk pulih selepas terbabas
- 4 Jarakkan antara kenderaan
- 5 Ekori jejak yang ditinggalkan kereta di depan
- 6 Buat persiapan sebelum bertolak
- 7 Belajar mengelak dan mengatasi *aquaplaning*
- 8 Berhenti jika hujan terlalu lebat
- 9 Permukaan jalan paling licin sebaik sahaja selepas hujan turun
- 10 Cuaca mendung mengurangkan jarak penglihatan
- 11 Keringkan brek selepas meredah air
- 12 Jangan memandu jika letih



## *Tahun Melawat Malaysia 2007*

# 10 TEMPAT MENARIK UNTUK DIKUNJUNGI

DAMAI...  
Beristirahat  
di salah  
sebuah tempat  
peranginan di  
Pulau Pangkor.



**T**AHUN 2007 bukan sahaja Tahun Kemerdekaan ke-50 untuk Negara kita tetapi juga merupakan Tahun Melawat Malaysia. Pelbagai acara dan program menarik telah diatur dan akan menjadi sambutan sepanjang tahun bagi rakyat Malaysia dan para pelancong.

Berikut adalah 10 tempat menarik untuk dilawati. Orang Malaysia juga jangan ketinggalan mengunjunginya.

### *Pulau Pangkor, Perak*

Pangkor menarik dan mudah dikunjungi. Pelancong dapat menikmati kedamaian kampung nelayan dan menyaksikan cara hidup mereka. Sekiranya anda gemarkan pantai dan aktiviti laut, kunjungilah pantai Pasir Bogak dan Teluk Nipah. Anda boleh memancing, menyelam skuba, 'snorkelling' dan meluncur angin. Teluk Nipah masih mengekalkan persekitaran desa selain kemudahan golf yang baik terdapat di pulau ini.


### *Taman Rekreasi Sungai Sedim, Kedah*

Kanopi pejalan kaki yang terpanjang di dunia, 950 meter panjang, terletak di Taman Rekreasi Sungai Sedim. Anda pasti akan terpesona dengan pemandangan indah apabila berjalan melalui kanopi rimba yang menarik ramai pelancong dari jauh dan dekat ke kawasan semula jadi yang jauh dari kebingitan kota. Anda akan kagum melihat keindahan sungai mengalir deras serta flora dan fauna yang menakjubkan – semuanya dari ketinggian 50m!

### *Pusat Perlindungan Gajah Kuala Gandah, Pahang*

Pusat Perlindungan Gajah di Kuala Gandah sungguh unik dan menarik. Bukan sahaja anda dapat mempelajari tentang haiwan ini, tetapi juga berpeluang menunggangnya, dengan bantuan penjaga gajah. Anda juga boleh ke sungai bersama gajah dan memandikan-

JERNIH... Menikmati  
pemandangan dasar laut  
melalui aktiviti 'snorkelling'  
di Pulau Tioman.





nya! Dianggarkan hanya tinggal 1,200 gajah liar di Malaysia dan pusat pemuliharaan ini diwujudkan untuk memindahkan anak-anak gajah ini ke tempat yang lebih sesuai.

### *Taman Marin Pulau Tiga, Sabah*

Pulau Tiga adalah lokasi penggambaran rancangan 'Survivor' yang pertama. Ia dipilih kerana landskapnya yang cantik dan persekitaran semula jadi yang masih utuh. Pulau Tiga merupakan pulau terbesar antara tiga pulau yang digelar sebagai Taman Pulau Tiga. Ia terbentuk hasil letupan beberapa gunung berapi lumpur. Hutan menghijaunya yang subur digandingkan dengan pasir pantai yang putih bersih berserta air yang tidak tercemar sangat digemari oleh mereka yang menghargai keindahan alam semula jadi. Antara aktiviti yang dapat dinikmati adalah menyelam, sukan air, kembara hutan, memerhati burung dan mandi lumpur.

### *Pulau Tioman, Pahang*

Pulau Tioman pula merupakan lokasi filem muzikal Hollywood 'South Pacific' pada tahun 1959 dan dianggap sebagai salah satu pulau percutian terbaik di dunia. Air lautnya yang jernih merupakan

**MANDI-MANDA...** Pulau Redang, terletak 45km dari pantai Kuala Terengganu, amat sesuai untuk aktiviti sekeluarga.

**NYAMAN...**  
Sebuah rumah kolonial yang terdapat di Bukit Fraser



**MEMULIHARA...** Salah seekor anak gajah yang diselamatkan di Pusat Perlindungan Gajah Kuala Gandah.

syurga kepada para penyelam. Tumbuhan menghijaunya kaya dengan pelbagai haiwan kecil seperti kupu-kupu, biawak, rusa dan monyet. Flora dan faunanya telah disiarkan dalam dokumentari *National Geographic*. Ekspedisi memanjat batu juga boleh dilakukan di pulau ini.

### *Pulau Redang, Terengganu*

Pulau Redang terletak 45km dari pantai Kuala Terengganu dan merupakan pulau terbesar antara sembilan buah pulau dilindungi di Laut Cina Selatan di luar pantai Terengganu. Air jernih dan beberapa lokasi menyelam menarik ramai penyelam ke pulau ini. Di perairan ini juga terdapat dua lokasi kapal karam, iaitu *H.M.S. Prince of Wales* dan

*H.M.S. Repulse*, yang tenggelam pada permulaan Perang Dunia Ke-2. Pulau ini sesuai untuk aktiviti 'snorkelling', berenang, menyelam skuba, kembara hutan, menaiki bot dan bersampan. Aktiviti memancing tidak dibenarkan dalam jarak radius 3.2km kerana Pulau Redang telah diwartakan sebagai taman marin.





### *Hutan Simpan Bukit Nanas, Kuala Lumpur*

Hutan Simpan Bukit Nanas merupakan hutan hujan tropika seluas 10.5 hektar di tengah-tengah kota berhampiran Menara Kuala Lumpur. Hutan ini diwartakan sebagai hutan simpan sejak 1906 untuk membantu membersihkan udara di kawasan persekitaran dengan bertindak sebagai penapis bagi habuk dan bahan pencemaran. Ia juga diisytiharkan sebagai Tempat Perlindungan Hidupan Liar dan Burung pada 1934 selain lima hektar darinya sebagai Hutan Dara Simpan pada 1950.

### *Taman Marin Tunku Abdul Rahman, Sabah*

Taman Tunku Abdul Rahman terdiri dari lima buah pulau yang terletak hanya 20 minit sahaja dari Kota Kinabalu. Taman seluas 4,929 hektar ini, yang mana dua per tiga darinya adalah laut, amat sesuai bagi mereka yang baru belajar 'snorkelling' atau untuk berkelah. Pantainya putih penuh dengan ikan kecil dan batu karang. Pulau Gaya dan Sapi juga mempunyai laluan yang merentasi hutan dara. Terdapat kepelbagaian flora dan fauna yang menarik di sini.

### *Bukit Fraser, Pahang*

Keindahan Bukit Fraser yang terletak pada kedudukan 1,524 meter dari paras laut memang tidak dapat dinafikan. Suasananya yang nyaman dikelilingi hutan tropika tanah tinggi yang subur menjadikan Bukit Fraser destinasi kegemaran para pemerhati burung. Terdapat pelbagai daya tarikan yang menarik di sini antaranya air terjun, laluan hutan, kebun bunga serta padang golf 9 lubang dan juga tempat menunggang kuda. Pilihan hotel juga banyak mengikut bajet pengunjung. Bukit Fraser terletak tidak jauh dari Kuala Lumpur, cuma satu setengah jam perjalanan sahaja.

### *Eye on Malaysia*

Daya tarikan terbaru Kuala Lumpur, *The Eye on Malaysia*, telah dibuka sempena Tahun Melawat Malaysia di Taman Tasik Titiwangsa pada 6 Januari 2007. Roda gergasi bergerak ini membolehkan para pengunjung menikmati panorama ibu kota Kuala Lumpur pada ketinggian sehingga 60 meter. Selain itu terdapat juga pertunjukan bunyi dan lampu pada setiap malam yang mengubah Tasik Titiwangsa menjadi cantik bergemerlapan.



TERBARU... Jangan lepaskan peluang untuk menaiki roda gergasi Tasik Titiwangsa.

(Gambar-gambar ihsan Tourism Malaysia)



## Kursus Kecemerlangan Pemandu Berhemah 2007

# PERBENDAHARAAN DAN SPANCO BEKERJASAMA ANJURKAN KURSUS

Sesi Pertama Kursus Kecemerlangan Pemandu Berhemah 2007 anjuran bersama oleh Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan, Perbendaharaan Malaysia dan SPANCO Sdn Bhd telah berjaya diadakan pada 22 - 24 Jun yang lalu.

Seramai 55 peserta hadir pada sesi itu yang diadakan di tempat peranginan yang terkemuka tanah air iaitu Tiara Beach Resort di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Peserta-peserta berpeluang mengikuti kursus dalam suasana tenang dan nyaman yang sesuai untuk bertukar-tukar fikiran sambil beramah mesra dan mengeratkan silaturahim.

Kursus bertujuan untuk memberi pengetahuan, kefahaman dan pendedahan kepada pemandu-pemandu mengenai tugas dan tanggungjawab mereka dalam pengurusan kenderaan Kerajaan bagi mewujudkan pemandu cemerlang.

Beberapa taklimat dan perbin-

cangan menarik telah disusun sepanjang kursus antaranya:

- ceramah motivasi
- penyenggaraan kenderaan
- pemanduan berhemah
- keselamatan dan kesihatan
- pengurusan kemalangan dan saman

Taklimat disampaikan oleh penceramah-penceramah jemputan daripada Perbendaharaan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan SPANCO.

Selain mendengar taklimat dan berbincang, peserta berpeluang untuk berkaraoke bagi menghilangkan penat lelah.

Di samping itu, sijil dan cenderamata juga disampaikan kepada peserta yang berjaya menamatkan kursus.

Seterusnya tiga lagi sesi dirancang bagi 2007 iaitu pada Julai/Ogos, Oktober dan November yang akan membabitkan pemandu dari pelbagai jabatan dan kementerian.



Encik Alias Hj Muda menyampaikan taklimat.

### OBJEKTIF

Meningkatkan kefahaman semua pemandu tentang sikap dan budaya kerja cemerlang serta nilai murni supaya dapat membangunkan potensi diri mereka.

Memupuk semangat kerjasama dan kerja berpasukan ke arah meningkatkan lagi kesejahteraan dan sistem penyampaian Perbendaharaan.

### PENYERTAAN

Surat jemputan akan dihantar oleh Kementerian Kewangan kepada peserta terbabit.

### TEMPAT

Akan diumumkan untuk sesi seterusnya.

### TARIKH

Sesi Pertama	: 22-24 Jun
Sesi Kedua	: Julai/Ogos
Sesi Ketiga	: Oktober
Sesi Keempat	: November



Antara peserta yang hadir.



Peserta mendapat pendedahan praktikal.



TSUB Tuan Hj Hanaffi Ahmad (kiri) menyampaikan sijil kepada seorang peserta.



**Janganlah membahayakan  
nyawa anda dan orang lain.  
Sentiasa gunakan  
tali keledar di belakang.**



**Gunakan Tali Keledar Di Belakang.  
Anda Mampu Mengubahnya.**

Bila berlaku kemalangan pada kelajuan 50km/j, penumpang belakang seberat 60kg boleh menghentam tempat duduk hadapan dengan kesan impak sebanyak 2.4 tan. Impaknya serupa seperti dihempap oleh seekor gajah. Sudah tentu ia boleh membunuh. Jadi jika anda rasakan tali keledar belakang cuma perhiasan, cuba bayangkan apa yang mungkin berlaku sekiranya anda tidak menggunakannya. Ada sebabnya mereka di hadapan memakai tali keledar. Anda di belakang juga patut berbuat demikian.

Layari [www.PanduCermat.org.my](http://www.PanduCermat.org.my) untuk mengetahui lebih lanjut.